

# UMS terima kunjungan penanda aras EKSA dari UMPSA

UB 26.08.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima kunjungan Penanda Aras Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dari Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti (PHKK), Universiti Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), baru-baru ini.

Ketibaan delegasi UMPSA disambut Jawatankuasa EKSA Induk UMS diketuai Ketua Bahagian Pentadbiran dan Governan merangkap Ketua Kluster EKSA UMS, Azmi Jumat; Setiausaha EKSA Induk UMS, Joanne Justin; Penolong Setiausaha, Wenddy John serta Ahli Jawatankuasa Audit, Jaini Sapirai, Erwin Russian Rukkung dan Shone De Nelco Edie Gadur.

Azmi berkata delegasi PHKK UMPSA dibawa berkunjung ke Bahagian Keselamatan UMS (BKUMS), Pusat Islam UMS (PIUMS), dan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP), UMS.

“Lawatan ini antara lain bagi menimba pengalaman dan melihat pelaksanaan amalan EKSA di UMS.

“Pada masa sama, ia bagi mengerakkan jalinan kerjasama yang sedia terjalin antara UMS–UMPSA kearah mencapai kecemerlangan secara berterusan dalam amalan EKSA di institusi,” katanya dalam satu kenyataan.

Azmi berkata EKSA merupakan inisiatif penjenamaan semula Amalan SS Sektor Awam dengan



LAWATAN: Delegasi UMPSA bergambar ketika lawatan EKSA di FSMP, UMS baru-baru ini.

mengambil kira keperluan bagi mengetahui persekitaran tempat kerja yang berkualiti.

“Persekitaran tempat kerja yang selesa sangat penting supaya lebih relevan kepada jabatan atau agensi sektor

awam di Malaysia.

“Semoga hasil daripada kunjungan Penanda Aras EKSA ini, hubungan dua hala di antara UMS dan UMPSA akan terus berkekalan,” katanya.

Pada kunjungan itu, del-

egasi PHKK UMPSA disertai Penolong Naib Canselor, Prof. Ts. Dr. Kamal Yusoh selaku ketua rombongan dan Pengarah Bahagian Pengurusan Strategik dan Kualiti (BPSK), Profesor Madya Ir. Dr. Norazwina Zainol.

Turut serta ialah Eksekutif Kanan Unit Pengurusan Kualiti (UPK) PHKK, Faisal Jusoh dan Eksekutif Kanan, Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI), Emma Melati Baharuddin.